From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PERPATI UUM RANGKUL DUA PENARAFAN PERAK DAN TEMPAT KETIGA PERTANDINGAN POSTER SEMPENA HPUA 2026
Date: Sunday, 6 September, 2026 8:17:41 AM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

6 SEPTEMBER 2026 / 24 RABIULAWAL 1448H
==========

Oleh: Akmal Ahlami Md Rozai
Gambar oleh: Suhami Ismail

PERPATI UUM RANGKUL DUA PENARAFAN PERAK DAN TEMPAT KETIGA PERTANDINGAN POSTER SEMPENA HPUA 2026



UUM ONLINE: BANDAR ENSTEK - Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional (Tadbir dan Iktisas) Universiti Utara Malaysia (PERPATI UUM) mencatat pencapaian membanggakan sempena Konvensyen Pentadbir Universiti Awam Malaysia (KPUA) 2026 dan Sambutan Hari Pentadbir Universiti Awam Malaysia (HPUA) 2026 serta Jubli Perak Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI) 2001–2026) apabila berjaya meraih dua Penarafan Perak dalam Sesi Pembentangan Amalan Terbaik serta Tempat Ketiga bagi Pertandingan Poster Kategori Khas – Projek Inovasi Persatuan.

KPUA 2026 yang berlangsung di Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Bandar Enstek, Negeri Sembilan, diteruskan pada pagi 21 Ogos 2026 dengan ucaptama oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Dato' Sri Ibrahim bin Ahmad.

Acara kemudiannya diteruskan dengan Forum Konvensyen Pentadbir Universiti Awam Malaysia (KPUA) 2026 bertemakan “Daripada Aspirasi kepada Realiti: Memperkasa Pentadbir sebagai Agen Perubahan”. Forum ini menjadi wadah perkongsian pandangan dan pengalaman dalam memperkukuh peranan pentadbir universiti sebagai pemacu kecemerlangan, inovasi dan perubahan dalam ekosistem pendidikan tinggi negara.



Forum tersebut menampilkan Pendaftar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Muzafar Mohd Din merangkap Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia Universiti Awam (JKSMUA) serta Bendahari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Mohd Najib Mohamad sebagai panel, manakala sesi dipengerusikan oleh Pengurus Akademi Adab Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Mohd Raizalhilmy Mohd Rais selaku mantan Timbalan Presiden MASTI bagi tahun 2015 hingga 2023.

Perbincangan yang diketengahkan memberi penekanan terhadap keperluan pentadbir untuk terus bersedia menghadapi perubahan, memperkukuhkan kompetensi dan memainkan peranan yang lebih strategik sebagai agen perubahan dalam memastikan aspirasi universiti dapat diterjemahkan kepada realiti yang memberi impak kepada organisasi dan komuniti pendidikan tinggi.



Sebelum itu, pada sebelah malam 20 Ogos 2026, PERPATI UUM telah menyertai Sesi Pembentangan Amalan Terbaik sempena KPUA

2026 dengan mengetengahkan dua projek UUM. Projek eRasmi UUM yang dibentangkan oleh Ts. Noriza Hussain, Pegawai Teknologi Maklumat, UUM IT, menerima Penarafan Perak bagi Subtema 1: *Transformasi Organisasi dan Kelestarian Pengurusan Universiti (Pendigitalan dan Kecerdasan Buatan – AI)*.

Sementara itu, Program Nakhoda Aspirasi dan Kecemerlangan Bakat (NAQIB) UUM 2026 yang dibentangkan oleh Pengarah Jabatan Keselamatan UUM, Mohamad Ezanee Yazid turut menerima Penarafan Perak bagi Subtema 2: Pemerkasaan Bakat dan Kecemerlangan Profesional Pentadbir Universiti (Pembangunan Bakat Universiti).



Pencapaian tersebut membuktikan bahawa inisiatif yang diketengahkan oleh PERPATI UUM mempunyai nilai dan impak dalam menyokong agenda transformasi pengurusan serta pembangunan bakat di Universiti Awam. eRasmi mengetengahkan pendigitalan pengurusan tugas rasmi melalui pendekatan *One Process, One Platform*, manakala NAQIB menampilkan pendekatan pementoran berstruktur dalam memperkukuh kompetensi, profesionalisme, integriti dan kepimpinan warga Pengurusan dan Profesional UUM.

Kejayaan PERPATI UUM turut diteruskan dalam Pertandingan Poster sempena HPUA 2026 apabila persatuan berjaya meraih Tempat Ketiga bagi Kategori Khas – Projek Inovasi Persatuan menerusi poster yang mengetengahkan sistem eRasmi UUM. Pengiktirafan ini memperlihatkan usaha PERPATI UUM dalam mengangkat inovasi pengurusan dan transformasi digital sebagai antara agenda penting dalam memperkukuh perkhidmatan universiti.

Kesemua pencapaian tersebut diumumkan pada Majlis Penutup Sambutan HPUA 2026 dan Jubli Perak MASTI 2001–2026, yang menjadi kemuncak kepada rangkaian program yang menghimpunkan komuniti pentadbir Universiti Awam Malaysia.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Presiden MASTI, Wan Mohd Wazir Wan Abdul Wahab di mana dalam ucapan beliau menekankan kepentingan warga pentadbir untuk terus membina dan memperkukuh jaringan sesama persatuan pentadbir Universiti Awam. Jaringan tersebut dilihat penting sebagai platform untuk memperluaskan perkongsian ilmu, pengalaman dan amalan terbaik, di samping memperkukuh kerjasama serta hubungan profesional dalam kalangan pentadbir UA.

Presiden PERPATI UUM, Kartini Tajul Urus berkata, pencapaian dua Penarafan Perak dalam Sesi Pembentangan Amalan Terbaik serta Tempat Ketiga Pertandingan Poster Projek Inovasi menjadi pengiktirafan bermakna terhadap komitmen persatuan dalam mengetengahkan inovasi, amalan terbaik dan pembangunan profesional warga UUM ke peringkat Universiti Awam.

Menurutnya, pencapaian ini juga memperkukuhkan aspirasi PERPATI UUM untuk terus berperanan sebagai pemangkin perkongsian inovasi dan amalan terbaik UUM, selaras dengan semangat HPUA dan MASTI dalam menyatukan komuniti pentadbir, memperkasa kompetensi serta menjulang profesionalisme demi kecemerlangan pendidikan tinggi Malaysia.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or

Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.